

20/01/1998

PM ajak rakyat bersatu

LANGKAWI, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta rakyat bersatu dan bekerjasama melindungi negara daripada penjajah ekonomi yang berusaha menyekat kemajuan dan pembangunan negara.

Perdana Menteri berkata, semua pihak tanpa mengira perbezaan kaum dan agama perlu mempertahankan negara daripada kuasa asing menjajah semula sama ada secara langsung atau tidak langsung.

"Saya pernah menempuh pengalaman dijajah empat kali, iaitu oleh Inggeris, Siam, Jepun serta Inggeris semula dan merasai kesannya terhadap negara.

"Walaupun kejatuhan nilai mata wang tidak memberi kesan menyeluruh, kita harus bersatu hati, bekerjasama, berdisiplin dan berusaha melindungi negara," katanya pada majlis berbuka puasa di Masjid Ai'shah, Sungai Menghulu, petang ini.

(END)